

28 JUN 2003

Mahathir-Moggie (Bergambar)

MOGGIE MASIH KEKAL MENTERI - DR MAHATHIR

CYBERJAYA, 28 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri berkata Datuk Amar Leo Moggie masih kekal sebagai seorang menteri memegang portfolio Tenaga, Komunikasi dan Multimedia walaupun telah meletak jawatan dalam parti.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata beliau mengambil kira faktor kelayakan Moggie untuk dikekalkan sebagai seorang menteri.

"Selagi dia (Moggie) layak untuk menjadi menteri, saya berhak mengekalkan jawatannya sebagai menteri," katanya kepada pemberita sebagai mengulas tindakan Moggie meletakkan jawatan presiden Parti Bansa Dayak Sarawak (PBDS) Rabu lepas.

Beliau sebelum itu melakukan lawatan ke pusat InventQ Jaya di sini hari ini.

Dr Mahathir berkata peletakan jawatan Moggie itu tidak ada kaitan dengan jawatan beliau sebagai seorang menteri kabinet.

"Ia tidak ada kena mengena dengan kabinet, yang itu dia punya keputusan hendak letak jawatan sebagai presiden (PBDS)," katanya.

Moggie berada dalam kabinet selama 25 tahun, memegang jawatan Menteri Tenaga, Telekomunikasi dan Pos pada 1978 dan bertukar ke Kementerian Kerja Raya pada 1989 sebelum kembali ke kementerian Tenaga pada 1995 sehingga sekarang.

Apabila ditanya sama ada sesiapa yang memegang jawatan presiden PBDS selepas ini akan secara automatik dilantik sebagai menteri, Dr Mahathir berkata: "Itu hal mereka, mereka boleh memegang jawatan itu tetapi bukan jawatan menteri kerana ia bukan prerogatif mereka."

-- BERNAMA

RIZ RIZ RON